

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Salleh, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof Madya Dr Suhaidi Hassan, Pendaftar, Mohd Akhir Yusuf dan Bendahari UUM, Amron Man.

Antara ahli lembaga pengarah yang hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah UUM, yang juga Pengerusi Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB), Datuk Wira Dr Affifudin Omar, Pengerusi Lembaga Pengarah Uniutama Travel and Tours Sdn Bhd (UTTSB), Datuk Ahmad Bakri Shabdin, Pengerusi Lembaga Pengarah Uniutama Property Sdn Bhd (UPSB), Datuk Maznah Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB, Prof Madya Dr Ayoib Che Ahmad.

Sehubungan itu, katanya semua anak-anak syarikat mesti menyusun strategi perniagaan selari dengan pelan strategik universiti terutama dalam memperkasa aktiviti akademik dan antarabangsa serta melestari sumber kewangan.

"Kita mahu prestasi anak-anak syarikat berkembang maju dan mempunyai kedudukan yang tinggi seiring dengan hasrat universiti untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka," katanya.

Katanya, sebagai universiti awam mempunyai peraturan tertentu yang melambatkan proses menjana pendapatan sendiri, sebab itu kita meminta anak-anak syarikat universiti menjalankan perniagaan dan seterusnya menghasilkan keuntungan.

"Kos mengurus universiti semakin bertambah, sudah tiba masa universiti awam melalui anak-anak syarikat menjana pendapatan mereka sendiri dan mereka mesti mencari model perniagaan yang baru," katanya

Dr Mohamed Mustafa berkata, terbaru, UUM meluluskan cadangan penubuhan Uniutama Education dan Consultancy Sdn Bhd dengan modal perniagaan RM200,000 bagi menjalankan projek International School dan Consultancy.

Manakala, katanya, UMHSB diminta menguruskan pembinaan asrama pelajar antarabangsa bagi menampung keperluan pelajar antarabangsa yang akan meningkat sehingga 10,000 pelajar iaitu 30 peratus pelajar antarabangsa dan 40 peratus pelajar pascasiswazah.

"Oleh itu, anak-anak syarikat mesti merebut peluang pertambahan jumlah pelajar sebagai satu usaha menambah pendapatan mereka dalam perniagaan di universiti," katanya.

Dr Mohamed Mustafa berkata, UPSB pulak akan terbabit dalam proses pembelian Wisma Sri Muda di Kuala Lumpur, penyewaan dan pajakan Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan dalam usaha meningkatkan prasarana kampus Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejayaan dan kelancaran perjalanan anak syarikat bergantung kepada *good goverant* yang baik serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.